

**LIFE BACKGROUND AND ISLAMIC PHILANTHROPIC PRACTICE OF
ISMAIL RAJI AL-FARUQI AND LOIS LAMYA' AL-FARUQI**

**LATAR BELAKANG KEHIDUPAN DAN AMALAN FILANTROPI ISLAM
ISMAIL RAJI AL-FARUQI DAN LOIS LAMYA' AL-FARUQI**

Ahmad Sabri Osmanⁱ, Raihaniah Zakariaⁱⁱ & Mohd Farid Mohd Sharifⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor. ahmadsabri@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor. raihaniah@gmail.com

ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. faridusm@usm.edu.my

Abstract	<p><i>This paper is a highlight and analysis of the life of Ismail Raji al-Faruqi, better known as al-Faruqi, and his wife Lois Lamyah al-Faruqi, who were rich not only intellectually but also spiritually. Their humility and willingness to help others, especially their students, were ingrained in both of them. The experiences of Malaysian students who studied under both of them will be etched in their memories until the end of their lives. This study attempts to uncover some examples of Islamic philanthropic practices carried out by al-Faruqi towards his students. This paper is a concept paper based on library research, analyzing historical documents related to al-Faruqi and his wife, specifically regarding Islamic philanthropic practices. The study found that al-Faruqi and his wife possessed profound spiritual wealth, which made them humble and willing to help anyone, especially their students. They referred to themselves as "Baba and Mama" to their students. Therefore, the author does not hesitate to recognize both of them as Islamic philanthropic figures of the millennium.</i></p> <p>Keywords: <i>Ismail Raji, Lois Lamyah, al-Faruqi, Philanthropy, Islam.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kertas ini merupakan suatu sorotan dan analisis terhadap kehidupan Ismail Raji al-Faruqi yang lebih dikenali sebagai al-Faruqi dan isterinya Lois Lamyah al-Faruqi yang bukan sahaja kaya dengan ilmu tetapi juga kaya jiwa. Sifat merendah diri dan suka menolong orang lain terutamanya pelajar mereka sudah sebatih dengan diri mereka berdua. Pengalaman yang dilalui pelajar Malaysia yang berguru dengan mereka berdua tidak akan dilupakan sehingga akhir hayat. Kajian ini cuba menyingkap beberapa contoh amalan filantropi Islam yang dipraktikkan al-Faruqi terhadap pelajar beliau. Kertas ini merupakan kertas konsep berdasarkan kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen-dokumen sejarah berkaitan al-Faruqi dan isterinya khususnya berkaitan dengan amalan filantropi Islam. Kajian mendapati bahawa al-Faruqi dan isterinya memiliki kekayaan jiwa yang mendalam dan disebabkan itu menjadikan mereka tidak sombong dan suka membantu sesiapa sahaja terutama para pelajar mereka. Mereka menggelarkan diri mereka sebagai "Baba dan Mama" kepada pelajar mereka. Justeru, penulis tidak segan silu menobatkan mereka berdua sebagai tokoh filantropi Islam abad millennium.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Ismail Raji, Lois Lamyah, al-Faruqi, Filantropi, Islam.</i></p>

PENDAHULUAN

Ismail Raji al-Faruqi dan isteri beliau, Lois Lamya' al-Faruqi bukanlah nama yang asing dalam dunia akademik. Kajian tentang mereka khususnya Ismail Raji al-Faruqi juga telah banyak dilakukan meliputi pelbagai dimensi. Kertas ini bertujuan untuk menjelaskan latar belakang kehidupan kedua-dua figura ini yang penuh warna-warni meliputi sejarah kelahiran, pendidikan, pekerjaan, testimonial dan amalan filantropi Islam yang patut dijadikan contoh tauladan. Sebagai seorang yang pernah melalui kesusahan dalam hidup, beliau amat menghayati amalan filantropi Islam yang sudah menjadi darah daging beliau.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN

Ismail Raji al-Faruqi merupakan bangsa Arab dari keturunan 'Umar al-Khattab. Kenyataan ini berasaskan kepada nisbah al-Faruqi adalah gelaran yang diberikan kepada keturunan Saidina Umar kerana beliau dikenali sebagai *al-Faruq* (B. Lewis et al., 1991). Al-Faruqi telah dilahirkan di Yaffa@Jaffa, Palestin pada 1 Januari 1921. Ketika itu, Palestin masih lagi menjadi sebahagian daripada Arab dan sebelum penjajahan kaum Zionis (H. A. Hafizah Dasuki et al., 2004). Bapanya, 'Abd al-Huda al-Faruqi merupakan seorang hakim (*qadi*) yang berpegang teguh kepada agama Islam. Keluarganya merupakan keluarga yang kaya dan cukup dikenali di Palestin. Al-Faruqi menerima pendidikan agamanya daripada ayahnya di rumah dan di masjid berhampiran (Shafiq, 1994).

Seterusnya ketika berusia lima tahun, beliau telah dihantar ke Lubnan untuk belajar di *French Dominican College Des Freres* (St. Joseph) bermula dari tahun 1926 sehingga 1936. Kolej ini menggunakan bahasa Perancis sebagai bahasa pengantar. Perubahan tempat pendidikan ini memberi peluang yang baik baginya untuk mengalami budaya yang berbeza (Quraishi, 1987). Meneruskan pengajiannya ke institusi pengajian tinggi, beliau memilih untuk memasuki Universiti Amerika di Beirut. Beliau gagal pada tahun pertama tetapi kegagalan itu tidak mematahkan semangatnya untuk berjaya mencapai ijazah sarjana muda pada tahun 1941 (al-Faruqi, 1968).

Setelah menamatkan ijazah pertamanya dari universiti tersebut, beliau kembali ke Palestin dan telah dilantik sebagai pegawai pemerintah Palestin selama empat tahun di mana Palestin ketika itu di bawah mandat Kerajaan Inggeris di Jerusalem (Azyumardi Azra et al., 2005). Kehebatan beliau sebagai seorang pemuda yang cerdas dan pintar telah membawa beliau ke kancah politik. Beliau telah dilantik sebagai gabenor wilayah Galilee dalam usia yang masih muda iaitu 24 tahun. Walau bagaimanapun, sebelum beliau sempat memantapkan karier politiknya, beliau terpaksa meninggalkan tanah airnya kerana wilayah yang dipimpinya itu jatuh ke tangan Israel pada tahun 1947. Pada tahun 1948, beliau mengambil keputusan berhijrah ke Amerika Syarikat (Azyumardi Azra et al., 2005).

Al-Faruqi terpaksa meninggalkan negaranya disebabkan penjajahan dan peluasan wilayah yang dilakukan oleh Israel. Keadaan ini menyebabkan beliau menjadi seorang pemuda yang kecewa dengan kemusnahan yang berlaku ke atas tanah airnya, apatah lagi apabila melihat bangsanya sendiri telah dibunuh dengan kejam dan hak asasi manusia telah dicabuli dengan sewenang-wenangnya oleh Israel. Pengalaman itu amat kuat mempengaruhi kehidupannya dan menjadikan beliau seorang yang kritis. Pada mulanya, beliau mengkritik agama dan kebudayaannya sendiri kerana agama selalunya dikaitkan dengan sebab ketidakupayaan bangsanya untuk mempertahankan diri mereka sendiri. Keadaan ini mendorong al-Faruqi berhijrah ke Barat bagi mencari jawapan terhadap pelbagai persoalan yang ditimbulkannya. Keadaan ini jugalah yang mendorong beliau membuat kajian di dalam bidang falsafah Barat (Al-Faruqi, Maysam 1986).

Meskipun al-Faruqi telah meninggalkan negaranya, namun perjuangannya untuk membebaskan negaranya dari penjajahan Zionisme tetap membara dalam dirinya. Sesuai dengan kemampuannya sebagai seorang ahli akademik, beliau telah menggunakan bidang ini untuk menyerang dan melemahkan pengaruh Zionisme. Keadaan ini dapat dilihat dari beberapa tulisannya, antaranya buku beliau yang bertajuk *Usul al-Sahyuniyyah fi al-Din al-Yahudi* dan artikelnya berjudul *Whither the Palestinians* dan *Islam and Zionism* (Al-Faruqi, 1983).

Penghijrahan al-Faruqi ini telah mengubah haluan hidupnya daripada seorang ahli politik kepada seorang ahli akademik. Beliau memilih Amerika Syarikat untuk melanjutkan pelajarannya ke peringkat yang lebih tinggi. Bidang kajian beliau ialah falsafah dan perbandingan agama. Beliau telah mendalami bidang falsafah di Universiti Indiana dan berjaya memperoleh ijazah sarjana pada tahun 1949. Dua tahun kemudian, al-Faruqi sekali lagi dianugerahkan ijazah sarjana dalam bidang falsafah dari Universiti Harvard pula (Al-Faruqi, 1983). Sepanjang pengajiannya di Amerika Syarikat, al-Faruqi juga tidak terlepas daripada melalui pengalaman getir apabila masalah kewangan membelenggu dirinya. Walau bagaimanapun, berbekalkan wang 1000 dolar Amerika yang diperolehi dari *American Council of Learned Societies* hasil daripada projek penterjemahannya dari bahasa Arab ke bahasa Inggeris, beliau menceburi bidang perniagaan. Beliau mendapat kontrak membina rumah-rumah kediaman di tempat-tempat yang strategik dan menghasilkan perhiasan serta perabot ciptaannya sendiri. Dekorasi seni binanya yang cantik dan mendapat sentuhan timur telah berjaya menarik perhatian pembeli-pembeli Amerika. Beliau mampu menjana pendapatan yang banyak melalui bidang ini tetapi itu bukan matlamatnya. Apabila merasakan bahawa beliau telah memperolehi wang yang mencukupi, beliau berhenti berniaga kerana ingin menumpukan perhatian kepada bidang yang lebih diminatinya iaitu akademik dan dunia kesarjanaan (al-Faruqi, 1968).

Bagi meneruskan perjuangannya dalam dunia akademik, beliau menyambung pelajarannya ke peringkat doktor falsafah di Universiti Indiana dan telah berjaya menamatkan pengajiannya dalam bidang falsafah Barat dengan pengkhususan dalam bidang falsafah klasik (Quraishi, 1987). Tesis kedoktorannya yang bertajuk *On Justifying the Good: Metaphysics and Epistemology of Value* telah berjaya dipertahankannya pada tahun 1952 (Manzoor, 1986). Menurut Quraishi, tesis kedoktoran al-Faruqi merupakan tindakbalas kepada desakan dalamannya bagi mencari jawapan kepada persoalan “siapa aku?”, “apakah aku?” dan “apakah yang harus aku lakukan?” Oleh kerana persoalan tersebut tidak mampu dijawab oleh ilmu falsafah Barat yang dikajinya, beliau mengambil keputusan untuk menimba ilmu sebanyak mungkin dalam bidang pengajian Islam pula (Quraishi, 1987).

Pada tahun 1953, al-Faruqi dan isterinya Lois Lamy al-Faruqi kembali ke Dunia Islam dan negara pertama yang ditujunya ialah Syria (Shafiq, 1994). Pada tahun berikutnya, beliau berpindah ke Mesir kerana menyambung pengajiannya di peringkat pasca kedoktoran di Universiti al-Azhar dari tahun 1954 hingga 1957 di bawah tajaan *Rockefeller Foundation Fellow* (Majalah *Islamic Horizons*, August/September 1986). Usaha ini dilihat sama seperti beliau berusaha untuk mendapatkan satu lagi gelaran doktor falsafah. Di sini, beliau berjaya menguasai semua ilmu Sains Islam sementara isteri beliau mempelajari bahasa Arab. Dengan demikian, beliau telah berjaya menggabungkan dalam dirinya dua kesarjanaan iaitu Timur dan Barat (Shafiq, 1994). Menurut Parvez Manzoor (1963-), semasa al-Faruqi berada di Mesir, telah timbul sentimen nasionalisme di dunia Arab. Ideologi *Arabism* telah muncul didorong oleh cita-cita politik Presiden Jamal Abdel Nasser (1918-1970). Kesetiaan orang-orang Arab terhadap bangsanya mula memuncak dan keadaan ini seolah-olah mewujudkan konflik antara kesetiaan mereka terhadap Islam dengan bangsa Arab. Al-Faruqi telah cuba menyelesaikan permasalahan ini melalui usaha intelektualnya dalam bidang akademik lalu terhasillah sebuah karya bertajuk *On Arabism, 'Urubah and Religion: A Study of the Fundamental Ideas of Arabism and Islam at Its Highest Movement of Consciousness* yang telah diterbitkan pada tahun 1962 (Manzoor, 1986).

Setelah al-Faruqi menghabiskan pengajiannya di Mesir, beliau telah dipelawa oleh Wilfred Cantwell Smith (1916-2000) ke Institut Pengajian Islam, Universiti McGill dan memasuki Fakulti Teologi (*School of Divinity*) (Adams, 1983). Di sini, al-Faruqi meneruskan pengajian pasca kedoktorannya setelah mendapat biasiswa *Fullbright* untuk membuat kajian tentang Judeo-Kristian selama dua tahun. Hasilnya, beliau berjaya menyiapkan kajian ilmiahnya yang diberi nama *Christian Ethics* (Adams, 1983). Menurut Stanley Brice Frost (1938-), semasa di Universiti McGill, al-Faruqi telah dilantik sebagai

penolong penyelidik di Fakulti Ketuhanan di bawah pengawasan W. C. Smith bagi memberikan pengalaman hidup di dalam suasana masyarakat Kristian (al-Faruqi, 1968). Menurut Parvez Manzoor lagi, Universiti McGill merupakan sebuah institusi khas Kristian untuk membentuk pelajar Muslim berbakat supaya mengikut kehendak Kristian. Bagaimanapun, keadaan tersebut tidak berjaya mempengaruhi jiwa al-Faruqi. Kajiannya terhadap tradisi agama Kristian merupakan salah satu peringkat dari beberapa peringkat perkembangan intelektualnya. Hal ini membawa al-Faruqi mengenali beberapa tokoh agama Kristian dan membantu beliau menjadi seorang pendebat Islam yang terkenal (Manzoor, 1986). Semasa di McGill juga, al-Faruqi berkenalan dengan Fazlur Rahman yang kemudiannya menjadi sahabat karib beliau dan mereka sering bertukar-tukar fikiran. Tempoh al-Faruqi sebagai fellow di McGill tamat pada bulan Jun 1961 iaitu semasa beliau menulis buku *Urubah and Art* (Al-Faruqi, Maysam, 1986).

Dari tahun 1961 hingga 1963, al-Faruqi berhijrah pula ke Pakistan. Ini kerana beliau telah ditawarkan kontrak selama dua tahun bagi jawatan Profesor Pengajian Islam di *Central Institute of Islamic Research* (CIIR) di Karachi, Pakistan. Keberadaannya di sini telah membuka peluang yang luas kepada al-Faruqi untuk menerapkan pengetahuan agamanya ke dalam falsafah sekuler moden dan juga sebagai satu usaha untuk memantapkan institut tersebut (Ilyas-Ba, 1988). Ia merupakan idea daripada Fazlur Rahman kepada Pengarah institut tersebut pada ketika itu iaitu Ishtiaq Hussain Qureshi (1903-1981). Ia bertujuan supaya al-Faruqi melihat sendiri keadaan umat Islam yang bukan dari keturunan Arab kerana pada ketika itu, al-Faruqi begitu kuat sekali semangat kearabannya. Semasa di sini, al-Faruqi telah menghasilkan beberapa artikel ilmiah seperti *Towards A Historisgraphy of Pre-Hijrah Islam* (Jun, 1962), *Towards A New Methodology for Qur'anic Exegesis* (Mac, 1962) dan *On the Raison d'etre of the Ummah* (Jun, 1963) yang telah diterbitkan dalam jurnal CIIR (Al-Faruqi, Maysam, 1986). Perkhidmatan beliau di institut ini tidak lama iaitu setahun sahaja di mana beliau akhirnya meletakkan jawatan. Hal ini adalah kerana beliau tidak berpuas hati apabila beberapa idea dan cadangannya ke arah penambahbaikan pencapaian akademik institut tidak dipedulikan oleh pihak atasan. Beliau percaya bahawa ia disebabkan oleh wujudnya masalah politik dalaman dalam institut tersebut. Hasil daripada analisis beliau terhadap isu yang berlaku, beliau akhirnya menyedari bahawa tempat yang terbaik baginya untuk tinggal dan mengembangkan idea-idea pengajaran dan pembelajaran Islam ialah Amerika Syarikat. Sepanjang hari-hari terakhir beliau di CIIR, beliau telah meneroka peluang pekerjaan dan penyelidikan yang terdapat di Amerika Utara. Beliau bernasib baik kerana akhirnya berjaya mendapat pekerjaan sebagai Profesor Pelawat dalam bidang sejarah agama di Fakulti Ketuhanan, Universiti Chicago selama setahun (1963-64) (Al-Faruqi, Maysam, 1986).

Selain itu, sepanjang kerjayanya sebagai seorang ahli akademik dan intelektual, al-Faruqi juga pernah menjadi Profesor Madya dalam bidang agama di Universiti Syracuse 1964-1968 dan akhir sekali sebagai Profesor di Universiti Temple dari tahun 1968 hingga 1986. Semasa di Syracuse, al-Faruqi merupakan satu-satunya wakil umat Islam yang terlibat di dalam suatu konferen bertajuk *Christian Conference on Mission Theology* yang berlangsung di Woodstock, Maryland. Di sana, beliau telah menyampaikan ucap-tama tentang hubungan antara Islam dan Kristian yang bertajuk "Islam and Christianity: Diatribe or Dialogue". Tugas ini menjadi lebih mencabar semasa al-Faruqi berada di Universiti Temple di mana beliau merupakan wakil utama umat Islam di dalam mengembangkan dialog antara Muslim dan Kristian. Pada tahun 1976, beliau telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Islam and Other Faiths" di dalam suatu kongres di Mexico City. Pada tahun yang sama, beliau telah dijemput untuk menjadi salah seorang daripada delegasi Muslim di dalam suatu rundingan yang ditaja oleh *World Council of Churches* (WCC) dengan tema "Christian Mission and Islamic Da'wah". WCC telah menerbitkan prosiding yang mengandungi syarahannya bertajuk "On the Nature of Islamic Da'wah" (F. Peter Ford, Jr. 1993). Beliau juga merupakan ahli jawatankuasa yang menguruskan kongres global tentang agama-agama dunia (*Global Congress of the World's*

Religions) dan telah membentangkan ucapnama semasa konferennya yang ketiga pada tahun 1979 (F. Peter Ford, Jr. 1993).

Al-Faruqi juga banyak terlibat dengan perancangan program pengajian Islam di pelbagai negara seperti Pakistan, Mesir, Arab Saudi, Libya, Afrika Selatan, Filipina dan Malaysia (Ensiklopedia Indonesia, 1992). Al-Faruqi telah mencetuskan satu fenomena baru di zaman moden ini terhadap bidang pengajian Islam kerana beliau melakukannya di Amerika dan bukannya di dunia Islam. Hal ini diakui sendiri oleh Esposito yang mengiktiraf al-Faruqi sebagai sarjana Islam pertama yang memperkenalkan dan membangunkan program pengajian Islam di Amerika Syarikat khususnya di Amerika Utara dan seterusnya menjadikan Amerika sebagai tempat tinggalnya (Al-Faruqi, Maysam, 1986). Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab membentuk kurikulum kolej Islam Amerika di Chicago. Sebelum usaha beliau itu, Universiti McGill di Kanada merupakan satu-satunya universiti di Amerika Utara yang mempunyai institut pengajian Islam. Walau bagaimanapun, kebanyakan stafnya terdiri daripada guru-guru bukan Islam. Beliau juga menjadi ahli *editorial boards* di tujuh buah jurnal akademik antarabangsa, seperti *Journal of South Asian and Middle Eastern Studies*, *Islamic Studies* dan lain-lain. Di samping itu, beliau telah menerima lapan hadiah biasiswa kerana kecemerlangan akademiknya (Shafiq, 1994).

Menyentuh tentang latar belakang keluarga al-Faruqi, beliau telah berkahwin dengan Lois Lamy' al-Faruqi (1926-1986) (Abu Bakar Ismail et. al., 2003). Karier akademiknya bermula pada tahun 1944 ketika beliau belajar di Universiti Montana dalam bidang muzik. Di sini beliau memperoleh ijazah pertama dan sarjana dengan kepujian. Kemudian beliau memasuki Universiti McGill untuk mempelajari Islam pada tahun 1960. Ijazah kedoktoran beliau diperolehi pada tahun 1974 melalui program antara-disiplin membabitkan Universiti Pennsylvania, Universiti Temple dan Universiti Syracuse. Bidang kajiannya melibatkan tiga elemen iaitu muzik, seni dan agama dengan tesis kedoktorannya bertajuk *The Nature of Musical Art of Islamic Culture*. Esposito menyifatkan Lamy' sebagai seorang yang amat penting dalam kerjaya dan kehidupan al-Faruqi. Hubungan mereka berdua begitu erat sekali dan bersifat saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Lamy' bukan sahaja seorang isteri, ibu, suri rumah, penulis dan pendidik, malah bertindak sebagai penasihat dan pembantu al-Faruqi dalam banyak program yang dilaksanakannya (Esposito, 1986).

Kejayaan al-Faruqi sebagai ilmunan Islam yang unggul banyak dibantu oleh isterinya. Bagi Ilyas Ba-Yunus, apabila membicarakan tentang sumbangan al-Faruqi, tidak sah kalau tidak disentuh sama sumbangan Lamy' (Ilyas Ba, 1988). Sebagai seorang pendidik, Lamy' pernah mengajar di beberapa buah universiti di Amerika seperti di Butler, Temple dan Indiana. Beliau juga pernah mengajar di Pakistan dan Filipina kerana mengikut suaminya. Di samping itu, beliau juga aktif dalam pelbagai persatuan seperti Persatuan Sains Sosial Muslim, ahli *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) dan ahli lembaga editor *Arts in the Islamic World* yang berpusat di London. Sebagai seorang ahli akademik, beliau telah berjaya menghasilkan lebih kurang 40 penulisan di sepanjang kariernya dalam pelbagai topik khususnya berkaitan dengan bidangnya iaitu seni dan muzik (Esposito, 1986). Beliau merupakan pencipta kepada teori baru seni dan muzik Islam serta sering dijemput untuk menyampaikan syarahan dan membentangkan kertas kerja dalam persidangan Islam peringkat antarabangsa (Manzoor, 1986). Beliau juga dikenali sebagai seorang wanita yang bersemangat kental dalam memperjuangkan hak-hak wanita menurut ajaran Islam dan bukannya berasaskan gerakan feminisme Barat (Esposito, 1986).

Hasil perkahwinan Lamy' dengan al-Faruqi, mereka telah dianugerahkan lima orang anak. Anak lelakinya telah meninggal dunia di Mexico pada bulan Mac 1986. Al-Faruqi dan Lamy' telah meninggal dunia kerana dibunuh dengan kejamnya pada 27 Mei 1986 ketika berusia 65 tahun manakala Lamy' berusia 60 tahun (Esposito, 1986). Hampir seluruh hidupnya, Lamy' berselindung di sebalik kemasyhuran suaminya, bukan kerana beliau dihalang oleh al-Faruqi tetapi kerana beliau berasa lebih selesa menjauhkan diri

dari perhatian umum. Tetapi pada tahun-tahun terakhir kehidupannya, beliau telah menonjolkan dirinya bagi membuktikan bahawa beliau boleh berdiri sendiri tanpa menumpang populariti suaminya (Quraishi, 1987).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan berpandukan kaedah kualitatif di mana reka bentuknya menggunakan pendekatan analisis kandungan atau analisis dokumen. Pengkaji mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian yang terdiri daripada buku, ensiklopedia, jurnal, tesis dan sumber-sumber daripada internet dan seterusnya menganalisis kandungan tersebut. Hasil analisis tersebut, pengkaji merumuskan amalan filantropi Islam yang wujud semasa hayat al-Faruqi dan isterinya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN BERKAITAN AMALAN FILANTROPI ISLAM

Al-Faruqi bukan seperti sesetengah ahli akademik yang hanya sibuk dengan dunia akademiknya sahaja malah beliau juga turut aktif di dalam pertubuhan pelajar di Amerika. *Muslim Students Association* (MSA) telah ditubuhkan pada tahun 1962 ketika al-Faruqi berada di Universiti Syracuse dan mula berjinak-jinak dengan MSA ketika beliau berada di Universiti Temple. Ketika itu, MSA di Universiti Temple merupakan sebuah organisasi yang cukup aktif berbanding dengan di universiti-universiti lain. Al-Faruqi menggunakan peluang semasa sembahyang berjemaah yang dianjurkan oleh MSA untuk berhubung dengan para pelajar. Hubungan ini membawa erti dan perubahan yang cukup besar kepada al-Faruqi (Al-Faruqi, Maysam, 1986).

Beliau terkenal dengan sifat suka menolong pelajar hingga menjadi sebutan di kalangan mereka yang mengenalnya. Suatu pengalaman yang tidak boleh dilupakan oleh Osman Bakar semasa beliau tiba di Universiti Temple untuk mendaftarkan diri sebagai pelajar baru pada 21 September 1981 ialah rekod pendaftaran paling pantas sebagai pelajar yang pernah beliau lalui. Dalam buku beliau pada halaman Sekapur Sirih, beliau menceritakan:

“Semasa saya mula sampai di Philadelphia pada 21 September 1981, saya mengetahui bahawa hari tersebut adalah hari penghabisan bagi pendaftaran kursus di Universiti Temple. Semasa saya sampai ke pejabat Allahyarham Prof. Isma’il di Jabatan Agama, saya hanya mempunyai masa satu jam sahaja untuk melakukan segala keranah pendaftaran akademik. Saya, yang pada masa itu dalam keadaan letih lesu setelah melalui perjalanan kapal terbang separuh dunia dari Kuala Lumpur ke Philadelphia dibawa oleh Allahyarham dengan pantas ke bangunan-bangunan di sekitar kampus di mana pendaftaran sedang dijalankan. Kami berjaya mengatasi jam tamat pendaftaran! Pendaftaran ini merupakan pendaftaran yang paling cepat dan paling saya ingati dalam sejarah pendaftaran pelajar yang pernah saya lalui” (Osman Bakar, 1992).

Semasa tinggal di sana juga, beliau dan keluarga serta pelajar-pelajar Muslim lain merasakan seperti tinggal di kampung sendiri. Untuk itu, beliau mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Allahyarham sekeluarga atas bantuan, nasihat dan ramah mesra yang sangat menyenangkan. Allahyarham sentiasa memberi ilham dan motivasi kepada para pelajar supaya berusaha untuk mencapai kegemilangan akademik (Osman Bakar, 1992).

MSA telah membawa dunia keserjanaan al-Faruqi ke alam pelajar. Pengaruh kuat MSA membuatkan dirinya berasa insaf terhadap identiti keislamannya dan menyerlahkan satu visi baru kepada al-Faruqi. Sebagai seorang yang berpandangan jauh, al-Faruqi melihat MSA sebagai pusat kelahiran dan penegasan semula ummah. Ia menjadi tempat pertemuan intelektual Muslim dari seluruh dunia tanpa mengira batasan bangsa dan kaum. Untuk menjadikan pertemuan itu lebih bermakna, al-Faruqi dengan hati yang terbuka menjadikan rumahnya sebagai tempat pertemuan bagi membimbing para pelajar ke arah cara berfikir yang teratur. Justeru, tidak berapa lama selepas menyertai MSA di

Amerika Syarikat, telah mulai tumbuh kesedaran dalam diri al-Faruqi untuk berubah dari *Arabism* kepada Islam (*'Urubah ke Ummatik*).

Begitu juga, semasa al-Faruqi dan Ilyas-Ba melawat seorang pesakit di *Johns Hopkins Ophthalmological Center* pada musim bunga pada tahun 1968, al-Faruqi memberitahu Ilyas-Ba: "Beberapa bulan yang lalu, saya adalah seorang Palestin, berbangsa Arab dan seorang Muslim. Tetapi sekarang saya adalah seorang Muslim yang berbangsa Arab dari Palestin". Berdasarkan kata-kata tersebut, dapat dilihat perubahan yang berlaku ke atas al-Faruqi. Kalau dahulu beliau mendahulukan sifat kebangsaannya berbanding keislaman, tetapi sekarang beliau mendahulukan Islam daripada kebangsaan.

Al-Faruqi juga menubuhkan persatuan *al-'Urwah al-Wuthqa* kerana terpengaruh dengan buku Jamal al-Din al-Afghani. Seperti al-Afghani, al-Faruqi juga menumpukan pemikirannya kepada penyatuan umat Islam melalui persatuan ini. Beliau melakukannya melalui dua cara iaitu memberi peluang kepada pembaca bukan Islam untuk melihat warisan Islam dan menggalakkan umat Islam menjadi saksi kepada Islam dengan menunjukkan contoh teladan yang baik melalui perkataan dan perbuatan. Dengan itu, ia menjadi contoh yang sebenar kepada golongan bukan Islam. Kedua, beliau cuba menyusun semua kekosongan yang wujud dalam lapangan pemikiran dan pengetahuan yang dihasilkan oleh cabaran kemodenan dan penjajahan.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa latar belakang kehidupan al-Faruqi merupakan kisah kehidupan seorang tokoh yang unik, hebat dan penuh dengan perjuangan serta pengorbanan. Penjajahan Israel ke atas Palestin telah mengubah kehidupan al-Faruqi daripada seorang yang pernah memegang jawatan berbentuk politik kepada seorang ahli akademik yang terkemuka. Penghijrahan beliau ke Amerika Syarikat pada zahirnya kelihatan seperti beliau cuba melarikan diri dari medan jihad tetapi sebenarnya beliau berhijrah ke suatu tempat yang bebas daripada peperangan dengan tujuan murni iaitu mengisi dada beliau dengan ilmu kerana beliau lebih berminat untuk berjihad dalam bidang ilmu berbanding dengan jihad menggunakan senjata.

Al-Faruqi dan isterinya Lamyā' dikenali sebagai personaliti yang pemurah dan ringan tulang dalam membantu para pelajar. Mereka sangat suka mengadakan majlis jamuan makan, sehingga terjalin hubungan akrab antara mereka dengan para pelajar bahkan mereka tidak segan silu memanggil keduanya dengan panggilan "Baba dan Mama". Inilah antara akhlak terpuji yang menyebabkan mereka berdua sentiasa hidup dalam jiwa para pelajarnya. Namun, kematian kedua-duanya dalam sekelip mata merupakan suatu kehilangan yang tidak dapat diterima pada mulanya dan amat sukar dicari galang gantinya.

RUJUKAN

Buku

- Adams, Charles J. 1983. *The Development of Islamic Studies in Canada*. Dlm: *The Muslims Community in North America*. Earle H. Waugh, Baha Abu-Laban and Regula B. Qureshi (ed.). Edmonton: The University of Alberta Press.
- Esposito, John L. & Voll, John O. 2001. *Makers of Contemporary Islam*. Oxford: Oxford University Press.
- al-Faruqi, Ismail Raji. 1963. *Usul al-Sahyuniyyah fi al-Din al-Yahudi*. Al-Qahirah: Ma'had al-Dirasat al-'Arabiyyah al-'Aliyah.
- al-Faruqi, Ismail Raji. 1968. *Christian Ethics: A Systematic and Historical Analysis of Its Dominant Ideas*. Montreal: McGill University Press and Amsterdam: Djambatan.
- al-Faruqi, Ismail Raji. 1981. *Social and Natural Sciences*. karya suntingan bersama dengan Abdullah Omar Naseef. Jeddah: King Abdul Aziz University.
- al-Faruqi, Ismail Raji. 1983. *Islam and Zionism*. Dlm: John L. Esposito (ed.), *Voices of Resurgent Islam*. New York: Oxford University Press.

- al-Faruqi, Ismail Raji. 1989. *Islamization of Knowledge: General Principles and Work Plan*. 2nd Edition. Revised and Expanded, Herndon: IIIT.
- al-Faruqi, Ismail Raji. 2006. *Islam and Other Faiths*. Ataullah Siddiqui (ed.). Leicester: The Islamic Foundation and Herndon: IIIT.
- Osman Bakar. 1992. *Al-Farabi: Life, Works and Significance (Al-Farabi: Kehidupan, Hasil Karyanya dan Peri Penting Tokoh)*. Baharudin Ahmad (Terj.), Wan Abd. Hamid (Pytg) Cet. Ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Quraishi, M. Thariq. 1987. *Ismail al-Faruqi: An Enduring Legacy*, Plainfield, Indiana: The Muslim Student Association.
- Shafiq, Muhammad. 1994. *Growth of Islamic Thought in North America: Focus on Isma'il Raji al-Faruqi*. Maryland: Amana Publications.
- Sri Mulyati. 1997. *Studi dan Mengamati Praktek Islam di Kanada Menemukan Tarekat Naqsyabandiyah Cabang Montreal, Sebuah Surprise (?)* Dlm: Yudian W. Asmin (Pytg), *Pengalaman Belajar Islam di Kanada*. Montreal: Permika dan Yogyakarta: Titian Ilahi Press.

Ensiklopedia

- Afzalur Rahman. 2002. *Sumbangan Khas Islam Kepada Kebudayaan Dunia (Ismail Raji al-Faruqi)*. Dlm: *Ensiklopedia Sirah*. Syed Putra Syed Ahmad et al. (Terj.). Jil. VII, Cet. Ke-2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Ismail et. al. 2003. *Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar*. Kuala Lumpur: Era Visi Publication Sdn. Bhd dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Azyumardi Azra et al. 2005. *Ensiklopedi Islam 1*. Jakarta: PT Ichtiar Baru Van Hoeve.
- B. Lewis et al. (ed.). 1991. *The Encyclopaedia of Islam*. Vol. 2. Cet. 4. Leiden: E.J. Brill.
- H. A. Hafizah Dasuki et al. 2004. *Ensiklopedia Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jil. 1. (Karya adaptasi daripada buku *Ensiklopedi Islam* yang diterbitkan oleh Penerbit PT Ichtiar Baru Van Hoeve, Jakarta).
- Ensiklopedia Indonesia. 1992. Amsterdam: Djambatan.

Jurnal

- al-Faruqi, Ismail Raji. 1984. *Whither the Palestinians*. Dlm: *Islamic Order*. Jil. 6. No. 1.
- al-Faruqi, Maysam. 1986. *Tawhid: The Measure of A Life*. Dlm: *Islamic Horizons*. August/September 1986.
- Manzoor, Parvez. 1986. *Al-Faruqi – Man of Thought, Man of Deeds*. Dlm: *Afkar-Inquiry*. Julai 1986.
- Yunus, Ilyas-Ba. 1988. *Al-Faruqi and Beyond: Future Direction in Islamization of Knowledge*. Dlm: *AJISS*. Vol. 5. No. 1.
- Ford, F. Peter Jr. 1993. *Isma'il al-Faruqi on Muslim-Christian Dialogue: An Analysis from A Christian Perspective*. Dlm: *Islam and Christian-Muslim Relations*. Vol. 4. No. 2. Oxfordshire, Abingdon: Carfax Publishing Ltd.

Tesis

- Fletcher, Charles D. 2008. *Isma'il al-Faruqi (1921-1986) and Inter-Faith Dialogue: The Man, The Scholar, The Participant*. PhD Thesis, Institute of Islamic Studies, McGill University.

Laman Sesawang

- Iskandar Arnel. 1997. *Pesantren ala McGill*. Dlm: *The Development of Islamic Studies in Canada*.
<http://books.google.com.my/books?The+Development+of+Islamic+Studies+in+Canada> (diakses pada 15 Oktober 2010).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.